

**CODE OF ETHICS ON REPOSSESSION**  
***(KOD ETIKA BAGI PENGAMBILAN SEMULA HAKMILIK)***

1. As far as possible, the number of authorized reposseors must be minimized unless circumstances warrant any additional assistance.  
*(Sebaiknya, mereka yang terlibat semasa proses pengambilan semula hakmilik adalah di dalam jumlah yang paling minimum kecuali dalam keadaan tertentu yang memerlukan bantuan tambahan)*
2. Reposseors appointed by the Bank should only gain entry into premises with the knowledge and consent of the occupant.  
*(Wakil yang diberi kuasa oleh pihak Bank untuk mengambil semula hakmilik hanya boleh memasuki kediaman dengan pengetahuan dan kebenaran penghuni)*
3. Reposseors appointed by the Bank should be well mannered and dress decently. They should ensure the practice of professionalism and dignity in carrying out their work.  
*(Wakil yang diberi kuasa oleh pihak Bank hendaklah bersopan dan berpakaian kemas. Mereka harus mengekalkan tahap profesionalisme dan kewibawaan dalam menjalankan tugas mereka)*
4. The use of “strong arm tactics” of any kind is strictly prohibited in the performance of their work.  
*(Tindakan kekerasan dalam apa jua bentuk adalah dilarang sama sekali semasa menjalankan tugas mereka)*
5. At the time of repossession, the reposseors should give a standard notice to the hirer informing him of the following:  
*(Semasa mengambil semula hakmilik, wakil yang diberi kuasa harus mengemukakan notis kepada pelanggan serta memaklumkan perkara-perkara berikut:)*
  - a) The address and telephone number of the finance company and the authorized officers he/she can contact immediately to resolve any problems;  
*(Alamat dan nombor telefon pihak Bank serta nama pegawai yang diberi kuasa untuk dihubungi bagi menyelesaikan sebarang permasalahan)*
  - b) The reposseors must give a reasonable time to the hirer to inspect the vehicle and remove his personal items and belongings.  
*(Wakil yang diberi kuasa perlu memberi masa yang secukupnya kepada pelanggan untuk memeriksa dan mengeluarkan barang-barang peribadi mereka)*

6. As far as possible repossession should be undertaken in the presence of the hirer or any person authorized to use that car.

*(Sebaiknya, proses pengambilan semula hakmilik hendaklah dilakukan dengan kehadiran pelanggan atau mereka yang diberi kebenaran untuk membawa kenderaan tersebut)*

7. A police report on the repossession should be lodged as soon as possible and preferably within 24 hours but in exceptional circumstances, not later than 48 hours from the time of repossession.

*(Laporan polis hendaklah dibuat sebaik sahaja pengambilan semula hakmilik dilakukan dan sebaik mungkin, dalam tempoh 24 jam dan di dalam keadaan tertentu, laporan tersebut boleh dibuat tidak melebihi 48 jam dari waktu pengambilan semula dilakukan.)*

8. Repossessors should at all time act in accordance with the laws and regulations in the performance of their work.

*(Wakil yang diberi kuasa untuk mengambil semula hakmilik perlulah pada setiap masa mematuhi undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan semasa menjalankan tugas mereka.)*

9. They should also observe any other Code of Ethics introduced by the *Association of Hire Purchase Malaysia*, *The Association of Finance Companies Malaysia* and *The Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* from time to time.

*(Semua wakil yang diberi kuasa hendaklah mematuhi Kod Etika Pengambilan Semula Hakmilik ini yang dikeluarkan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia, Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dari masa ke semasa)*